

01 JUL 2002

ABDULLAH-PASARAN/I

PROSES PERALIHAN DISAMBUT BAIK OLEH PASARAN, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata reaksi yang menggalakkan daripada sektor swasta dan rakyat Malaysia keseluruhannya telah membuktikan bahawa proses peralihan kepimpinan yang diumumkan baru-baru ini telah diterima baik.

"Saya amat gembira (dengan reaksi ini). Ia hanya membuktikan bahawa apa yang dalam fikiran (Perdana Menteri Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) dalam memastikan peralihan (kuasa) yang licin telah diterima baik oleh rakyat Malaysia dan sektor swasta," katanya selepas merasmikan Persidangan E-Kerajaan Malaysia 2002 di sini.

"Reaksi pasaran adalah amat menggalakkan," katanya ketika diminta memberi pandangan tentang reaksi pasaran kepada pengumuman tempoh peralihan 16 bulan itu.

Sementara itu, beliau turut diminta mengulas tentang kegagalan yang melibatkan syarikat-syarikat dotcom besar di Amerika Syarikat di mana Abdullah berkata tadbir urus korporat merupakan isu yang penting kerana sekiranya ia tidak diberi perhatian yang sepatutnya, ia bukan sahaja akan menjejaskan pasaran saham tetapi juga syarikat-syarikat lain.

Beliau menegaskan bahawa tadbir urus korporat merupakan sesuatu yang perlu diberi penekanan sebagai objektif yang paling penting setiap masa.

Beliau menyatakan harapan supaya semua syarikat Malaysia mengamalkan tadbir urus korporat yang baik, dan tidak akan ada kegagalan yang serupa yang berlaku kepada syarikat Amerika berlaku di Malaysia.

"Ia merupakan satu isu yang kita mesti elak," katanya.

Sementara itu dalam ucapannya, Abdullah berkata kerajaan masih menumpu kepada membawa perkhidmatan kerajaan dan melaksanakan projek-projek perintis sebagai sebahagian daripada aplikasi e-kerajaan.

Beliau berkata kerajaan telah mengadakan pusat perkhidmatan bersama di Putrajaya yang menumpu kepada mewujudkan prasarana teknologi maklumat bersepadu.

"Kini, kami dapat meninjau ke masa depan bagi menentukan arah haluan kami sebagai e-kerajaan," katanya.

Abdullah berkata pelaksanaan sebarang inisiatif e-kerajaan memerlukan tumpuan usaha baik pulik secara berterusan.

"Guna pakai dan pematuhan amalan petunjuk aras global semakin meningkat, tetapi ia perlu diterapkan lagi dalam banyak projek e-kerajaan," tambahnya.

Abdullah juga menyatakan bahawa hubungan kerajaan dan sektor swasta harus terus dijalin, termasuk dengan para pembekal sedia ada dan syarikat-syarikat kecil yang berkembang pesat.

Mereka termasuklah firma-firma kecil yang berinovasi yang kini diterajui oleh para profesional muda dan berkebolehan.

Beliau berkata asas kepada masyarakat teknologi maklumat yang berkebelohan mesti dibina di kalangan generasi masa depan.

"Pendidikan IT mesti bermula di peringkat umur awal -- ia tidak harus dianggap sebagai subjek pilihan dalam sukatan pelajaran sekolah kita, tetapi perlu diperkenalkan sebagai subjek penting.

"Ini akan memberi permulaan kepada generasi muda kita memupuk minat dalam ekonomi digital." -- BERNAMA

WNZ SHY JR